

D.R. 1/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PENDIDIKAN
TINGGI NEGARA 1996**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

MAJLIS PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

3. Penubuhan Majlis.
4. Anggota Majlis.
5. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi.
6. Tempoh perlantikan.
7. Hilang kelayakan menjadi anggota.
8. Terhenti menjadi anggota.
9. Kekosongan.
10. Anggota boleh meletakkan jawatan dengan notis.
11. Penamatan perlantikan.
12. Pungsi Majlis.

BAHAGIAN III

AM

13. Jawatankuasa.
14. Majlis hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.
15. Mesyuarat.

Fasal

16. Pengisytiharan kepentingan benefisial.
17. Minit.
18. Elaun.
19. Sumbangan bantuan.
20. Sekretariat.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan pendidikan tinggi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"anggota" ertinya seseorang anggota Majlis Pendidikan Tinggi Negara;

"institusi pendidikan tinggi" ertinya sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah

institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya;

"ketua eksekutif" ertinya ketua eksekutif sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996;

"Majlis" ertinya Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Pendidikan;

"Naib Canselor"—

- (a) berhubung dengan sesuatu Universiti ertinya Naib Canselor, Presiden, Rektor atau Pengarah Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif Universiti itu; dan
- (b) berhubung dengan sesuatu Kolej Universiti hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai pihak berkuasa yang berkenaan Kolej Universiti itu;

"pelajar" ertinya seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran atau latihan daripada atau di sesuatu institusi pendidikan tinggi;

"pendidikan tinggi" ertinya pendidikan yang disediakan oleh sesuatu institusi pendidikan tinggi;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi Negara;

"Universiti" atau "Kolej Universiti" ertinya—

- (a) sesuatu Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; atau

- (b) sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta yang bertaraf Universiti atau Kolej Universiti, kampus cawangannya dan kampus cawangan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti asing, yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. *Akta.*

BAHAGIAN II

MAJLIS PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

3. Maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis yang dikenali sebagai "Majlis Pendidikan Tinggi Negara". *Penubuhan Majlis.*
4. Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut: *Anggota Majlis.*
- (a) Menteri sebagai Pengerusi;
 - (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
 - (c) Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya;
 - (d) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
 - (e) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri atau wakilnya;
 - (f) Peguam Negara atau wakilnya;
 - (g) tiga Naib Canselor mana-mana Universiti dan Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; *Akta 30.*
 - (h) tidak lebih daripada dua ketua pegawai eksekutif mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta; dan
 - (i) tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Majlis.
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa ketakhadiran Pengerusi atau bila mana Pengerusi yang kerana apa-apa sebab tidak dapat menghadiri mesyuarat Majlis. *Penjalanan sementara fungsi Pengerusi.*

Tempoh
perlantikan.

6. Perlantikan seseorang anggota Majlis di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) dan (*i*) hendaklah dibuat oleh Menteri dan, tertakluk kepada seksyen 7 dan 11, hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan tiap-tiap anggota yang dilantik sedemikian hendaklah, apabila terhenti menjadi anggota, layak untuk dilantik semula.

Hilang
kelayakan
menjadi
anggota.

7. Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi anggota Majlis:

- (a) seseorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (b) seseorang yang bankrap; dan
- (c) seseorang yang tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya untuk menunaikan kewajipannya.

Terhenti
menjadi
anggota.

8. Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) dan (*i*) hendaklah terhenti menjadi anggota—

- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Majlis; atau
- (b) jika perlantikannya dibatalkan.

Kekosongan.

9. Jika berlaku sesuatu kekosongan daripada kalangan anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) atau (*i*), kekosongan itu hendaklah diisi oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri.

Anggota
boleh
meletakkan
jawatan
dengan notis.

10. Seseorang anggota yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 4(*i*) boleh meletakkan jawatan sebagai anggota Majlis pada bila-bila masa dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Menteri.

Penamatan
perlantikan.

11. Menteri boleh menamatkan perlantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) atau (*i*) pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa alasan mengenainya.

12. (1) Fungsi Majlis adalah— Fungsi
Majlis.
- (a) untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan bagi perkembangan pendidikan tinggi;
 - (b) untuk menyelaraskan perkembangan pendidikan tinggi;
 - (c) untuk memajukan dan memudahkan pertumbuhan teratur institusi pendidikan tinggi;
 - (d) untuk menentukan dasar dan menetapkan kriteria bagi penguntukan wang kepada institusi pendidikan tinggi;
 - (e) untuk menentukan dasar berhubungan dengan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi;
 - (f) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur gaji dan sistem pengurusan kakitangan Universiti dan Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta *Akta 30.* Universiti dan Kolej Universiti 1971;
 - (g) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai struktur fee;
 - (h) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai bidang atau kursus pengajian yang diusahakan oleh institusi pendidikan tinggi;
 - (i) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai perjalanan apa-apa kursus pengajian atau program latihan oleh institusi pendidikan tinggi bersesama atau bersama-sama dengan, secara bergabung, secara usahasama atau selainnya, dengan mana-mana Universiti atau institusi pendidikan tinggi atau institusi pendidikan atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia;
 - (j) untuk menentukan dasar dan menetapkan garis panduan mengenai penglibatan Universiti dalam aktiviti perniagaan mengikut kuasa yang diberikan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti *Akta 30.* 1971; dan

(k) untuk mengambil apa-apa tindakan atau melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut atau perlu bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

(2) Apabila dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan dibentuk dan ditentukan oleh Majlis berhubungan dengan fungsinya di bawah perenggan (1)(a) hingga (k), Menteri hendaklah dengan demikian itu melaksanakan dasar, strategi dan garis panduan itu.

BAHAGIAN III

AM

Jawatankuasa. **13.** (1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkannya patut bagi maksud membantu Majlis melaksanakan fungsinya.

(2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan orang yang boleh dilantik oleh Majlis daripada kalangan anggotanya.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), Majlis boleh mengundang mana-mana orang atau wakil mana-mana organisasi untuk menasihati sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dalam menjalankan fungsinya.

(4) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (2) atau diundang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa di bawah subseksyen (3) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Majlis
hendaklah
menentukan
prosedurnya
sendiri.

14. Tertakluk kepada Akta ini, Majlis hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

Mesyuarat.

15. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki berbuat sedemikian oleh Pengerusi Majlis.

(2) Pengerusi dan empat anggota lain Majlis hendaklah menjadi kuorum dalam mana-mana mesyuarat Majlis.

(3) Jika atas apa-apa persoalan yang hendak diputuskan oleh Majlis terdapat pembahagian undi yang sama banyak, Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

16. Jika mana-mana anggota Majlis mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis dia hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan jenis dan takat kepentingannya dalam perkara itu kepada Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu dan Majlis hendaklah memutuskan sama ada dia boleh atau tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat Majlis apabila perkara itu sedang dipertimbangkan, walau apa pun kepentingannya dalam perkara itu.

Pengisytiharan
kepentingan
benefisial.

17. Majlis hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

Minit.

18. Seseorang anggota Majlis atau wakilnya bolehlah dibayar apa-apa elaun kerana menghadiri mesyuarat Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Elaun.

19. Bagi maksud membolehkan Majlis menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat sumbangan bantuan kepada Majlis apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Menteri daripada wang yang hendaklah diperuntukkan oleh Parlimen.

Sumbangan
bantuan.

20. Maka hendaklah ditubuhkan suatu Sekretariat daripada Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan yang hendaklah membantu Majlis dalam menjalankan fungsinya.

Sekretariat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mewujudkan suatu majlis yang hendaklah dikenali sebagai "Majlis Pendidikan Tinggi Negara" dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan pendidikan tinggi di Malaysia.

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan pertmtukan tentang mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung dengan Majlis Pendidikan Tinggi Negara ("Majlis").

Fasal 3 menubuhkan Majlis.

Fasal 4 bertujuan mengadakan peruntukan mengenai keanggotaan Majlis.

Fasal 5 menghendaki Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa ketahadiran Pengerusi.

Fasal 6 memperkatakan perlantikan dan tempoh perlantikan anggota Majlis di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) dan (*i*).

Fasal 7 menyatakan hal keadaan yang dalarnnya seseorang boleh hilang kelayakannya menjadi anggota Majlis.

Dalam *fasal 8*, seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) atau (*i*) hendaklah terhenti menjadi anggota jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Majlis atau jika perlantikannya dibatalkan.

Fasal 9 bertujuan memberi Menteri kuasa melantik orang lain jika berlaku kekosongan daripada kalangan anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) atau (*i*).

Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*i*) boleh meletakkan jawatan sebagai anggota Majlis dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Menteri dibawah *fasal 10*.

Fasal 11 memperkatakan penamatan perlantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 4(*g*), (*h*) atau (*i*).

Fasal 12 bertujuan mengadakan peruntukan mengenai fungsi Majlis. Peranan utama Majlis adalah untuk merancang, membentuk dan menentukan dasar dan strategi kebangsaan dan menetapkan garis panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan tinggi di Malaysia sebagaimana yang disebut satu persatu dalam perenggan (1)(a) hingga (k).

4. Bahagian III mengandungi peruntukan am.

Fasal 13 bertujuan memberi Majlis kuasa menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 14 bertujuan memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

Fasal 15 memperkatakan mesyuarat Majlis.

Fasal 16 bertujuan menghendaki seseorang anggota yang mempunyai apa-apa kepentingan benefisial dalam apa-apa perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Majlis supaya menzahirkan kepentingan itu kepada Pengerusi Majlis.

Fasal 17 bertujuan menghendaki Majlis menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

Fasal 18 mengadakan peruntukan mengenai pembayaran elaun kepada anggota Majlis atau wakil mereka kerana menghadiri mesyuarat Majlis.

Fasal 19 bertujuan memperuntukkan sumbangan bantuan kepada Majlis untuk membolehkannya menjalankan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 20 bertujuan menubuhkan suatu Sekretariat untuk membantu Majlis menjalankan fungsinya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1910.]